

Headline	Balu wira Lahad Datu terima ijazah suami		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	01 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	29,826	Readership	97,836
Section	Tempatan	Color	Black/white
Page No	5	ArticleSize	155 cm ²
AdValue	RM 319	PR Value	RM 958



Balu wira Lahad Datu terima ijazah suami

SINTOK: Balu kepada Allahyarham ASP Zulkifli Mamat tidak menyangka kata-kata suaminya sebelum ini supaya beliau yang pergi mengambil ijazah bagi pihak dirinya, betul-betul menjadi kenyataan.

“Beliau pernah berkata ayang (sayang) dengan mak (mertua) sajalah yang pergi ambil ijazah. Tak sangka pula kata-kata arwah itu menjadi kenyataan,” kata Nor Aziah Noor yang menerima ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Kepujian) bagi pihak suaminya pada majlis konvokesyen ke-26 Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini pada Sabtu.

Allahyarham Zulkifli, 29, terkorban ketika mempertahankan negara daripada ancaman pegganas Sulu di Lahad Datu, Sabah pada Mac lalu.

Nor Aziah, 28, yang mengajar di Sekolah Menengah Syed Putra, Kangar ditemui selepas menerima ijazah itu daripada Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang juga Canselor UUM.

Seramai 7,445 orang graduan termasuk 420 graduan antarabangsa dari 22 buah negara menerima ijazah masing-masing pada istiadat kon-

vokesyen UUM kali ini yang akan berakhir Selasa ini. Nor Aziah datang ke UUM dengan ditemani kakak iparnya Aishah Mamat, 32, beserta ketiga-tiga anak lelakinya yang berumur antara 54 hari hingga lima tahun.

Semasa menyampaikan ijazah tersebut kepada Nor Aziah, Sultan Abdul Halim turut menyerahkan pemulangan yuran pengajian Allahyarham Zulkifli yang bernilai RM13,000 serta sumbangan daripada kakitangan UUM bernilai RM20,739.

Nor Aziah berkata Seri Paduka Baginda secara peribadi turut mengucapkan takziah kepadanya di samping bertanyakan tentang dirinya dan anak-anaknya.

“Tuanku berharap saya lebih tabah menghadapi ujian Allah dengan kejadian yang menimpa saya. Baginda turut memberi kata-kata perangsang dan semangat. Saya amat terharu dengan keprihatinan baginda,” katanya.

Beliau berkata beliau akan menyimpan ijazah tersebut untuk tatapan anak-anaknya supaya apabila besar kelak, mereka turut berazam kuat untuk menimba ilmu. – Bernama